

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YANG BERBAHAGIA

YBHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

@ SAHIBUDDIN

NAIB CANSELOR UiTM

SEMPENA

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI & KUALITI UiTM

2023

“MEREALISASIKAN DAYA TAHAN

MELALUI JAMINAN KUALITI”

20 DISEMBER 2023 | RABU | 2.00 PETANG

DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR

UiTM SHAH ALAM

Yang Berbahagia Profesor Dr. Azizah Abdullah

Penolong Naib Canselor,

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),

Universiti Teknologi MARA

Merangkap

Penasihat Jawatankuasa Majlis Kemuncak Bulan Inovasi
dan Kualiti UiTM 2023

**Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Kamarularifin Abd
Jalil**

Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik, InQKA

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Kemuncak Bulan Inovasi
dan Kualiti UiTM 2023

Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti Teknologi MARA,

Barisan Pengurusan InQKA,

Seluruh warga UiTM sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi atas limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam **Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023.**

2. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan **Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023** serta majlis kemuncaknya pada hari ini.

3. Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti yang diadakan setiap tahun memberi pengiktirafan terhadap

usaha kolektif warga UiTM berasaskan kepada kreativiti, teknologi dan inovasi dalam membuat perubahan positif dan meningkatkan standard prestasi Universiti. Pengiktirafan yang diberikan kepada pemenang-pemenang pertandingan seperti Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK), Kecemerlangan Operasi (OE), Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) serta Anugerah Pentadbir UiTM dan juga Anugerah *Global Prominence* diharap dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan budaya kerja berkualiti di kalangan warga UiTM.

Para hadirin sekalian,

4. **“Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti”** merupakan tema sambutan pada tahun ini. Tema ini berkisar kepada konsep membina dan mengekalkan daya tahan Universiti melalui pelaksanaan jaminan kualiti

yang berkesan. Jaminan kualiti merupakan mekanisme penting bagi sesebuah organisasi untuk memastikan produk atau perkhidmatan mereka boleh dipercayai dan berkualiti tinggi. Ia melibatkan penetapan matlamat kualiti, penentuan kriteria, pelaksanaan langkah kawalan, dan penilaian prestasi secara berterusan.

5. Melalui pemantauan dan penilaian yang rapi, jaminan kualiti membolehkan organisasi mengenal pasti dan menangani sebarang penyelewengan atau kekurangan. Oleh itu, tujuan jaminan kualiti adalah untuk memastikan produk atau perkhidmatan secara konsisten memenuhi atau melebihi standard kualiti yang ditetapkan. Adalah penting bagi sesebuah organisasi untuk menyampaikan

produk atau perkhidmatan berkualiti tinggi agar ia kekal berdaya saing dalam pasaran dinamik hari ini.

6. Dalam konteks UiTM, produk yang kita hasilkan adalah para graduan dan hasil penyelidikan, manakala perkhidmatan pula melibatkan seluruh bentuk perkhidmatan yang diberikan kepada seluruh warga UiTM dalam menghasilkan produk tersebut.

7. Penghayatan menyeluruh warga dalam memastikan jaminan kualiti dalam setiap hasil kerja akan melahirkan sifat daya tahan bukan sahaja di kalangan warga malah ke atas program-program akademik, hasil penyelidikan serta perkhidmatan yang diberikan.

8. Sifat daya tahan dalam kalangan warga akan menyebabkan kita berupaya untuk menyesuaikan diri, pulih dan berkembang daripada kesukaran atau perubahan. Ia bukan sahaja mampu membuatkan kita bangkit daripada segala bentuk kesukaran yang dihadapi, malahan akan menjadikannya sebagai peluang untuk menambahbaik dan berinovasi. Ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi, pengurangan kos serta peningkatan reputasi.

9. Sifat daya tahan ke atas program-program akademik, penyelidikan serta perkhidmatan yang diberikan pula akan menyebabkan program-program akademik dan hasil penyelidikan kita mempunyai daya saing yang tinggi dan kekal relevan. Manakala sifat daya tahan bagi

perkhidmatan pula akan menyebabkan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap yang membanggakan dan mendapat pengiktirafan dari pihak luar.

10. Motto UiTM iaitu Usaha, Takwa, Mulia sangat berkait rapat dengan jaminan kualiti dalam seluruh sistem pengurusan UiTM. Penggabungan ketiga-tiga elemen ini dalam pendidikan tinggi membawa kepada persekitaran pembelajaran yang berkualiti tinggi. **Usaha** yang tekun di kalangan warga UiTM dalam penyampaian ilmu, **ketakwaan** warga UiTM yang tinggi kepada Tuhan memastikan setiap warga Universiti sentiasa beretika dalam setiap tindakan yang diambil dan amalan **mulia** dalam semua aspek kehidupan semua warga UiTM dapat

membentuk lanskap pendidikan yang holistik bagi perkembangan insan.

Warga UiTM yang dikasihi sekalian,

11. Sabda Rasulullah SAW: خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

“Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat bagi orang lain” (HR Ibn Hibban). Memberi manfaat kepada orang lain dalam konteks **Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti** di UiTM adalah sejajar dengan tiga (3) **Teras Strategik Pelan Strategik UiTM 2025 (GRU2025):**

12. Teras Strategik Pertama; Pendidikan Berkualiti:

Memberi manfaat kepada orang lain bermula dengan memberikan akses kepada pendidikan berkualiti untuk

semua golongan tanpa mengira latar belakang atau keadaan sosioekonomi. Akses pendidikan yang berkualiti ini dapat memberi peluang sama rata kepada semua golongan melalui inovasi di dalam penawaran program-program akademik yang berbentuk *hybrid* dan *flexible learning* seperti *Microcredential*, *Open and Distance Learning* dan APEL yang akan menjadikan UiTM kekal relevan dalam mendokong aspirasi pembelajaran sepanjang hayat.

13. Teras Strategik Kedua; Kecemerlangan Global:

Fokus perlu diberikan kepada kualiti penyelidikan yang berkualiti tinggi yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat melalui penyelidikan translasional, inovasi sosial dan pengkomersialan yang berimpak tinggi. Hasil

penyelidikan ini boleh dimanfaatkan oleh komuniti melalui kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan, industri dan alumni. Dan;

14. Teras Strategik Ketiga; Prestasi Berorientasikan

Nilai: Kepelbagaian dimensi kreativiti dan inovasi dalam penambahbaikan kaedah, prosedur serta cara kerja di semua pusat tanggungjawab (PTJ) di UiTM adalah perlu dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pemegang taruh UiTM. Sehubungan itu, kelestarian inovasi yang dihasilkan melalui aktiviti-aktiviti Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) dan Kecemerlangan Operasi (OE) perlu dipastikan supaya ia bermanfaat buat semua warga dan pemegang taruh UiTM.

15. Secara keseluruhannya, membina daya tahan di UiTM melibatkan pendekatan proaktif dan holistik yang merangkumi pelbagai aspek operasi Universiti, tadbir urus dan budaya kerja yang berkualiti. Hasilnya, kepercayaan dari para pemegang taruh dapat dikekalkan dan UiTM terus kekal relevan. Langkah ini juga selari dengan aspirasi Kebolehpasaran Global ke arah mencapai hasrat UiTM ke arah menjadi Universiti yang dikenali dunia menjelang tahun 2025.

16. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur dalam merealisasikan majlis pada petang ini. Dengan lafaz

Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Majlis**
Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.